

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH BERSEPADU
LEMBAH PANTAI, KG. KERINCHI, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
DI KG.KERINCHI, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
29 JULAI 1999

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya dapat bersama di majlis ini bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan bagi menyempurnakan perasmian projek perumahan kos rendah bersepadu lembah pantai, kampung kerinci ini. Pelaksanaan projek PPR bersepadu telah diputuskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan juga jemaah menteri bagi mengatasi masalah dan menempatkan penduduk setinggan yang masih ramai di sekitar bandaraya Kuala Lumpur.

2. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa merealisasikan harapan rakyat serta prihatin kepada permasalahan perumahan yang dihadapi oleh penduduk setinggan dan juga golongan berpendapatan rendah, kerajaan telah mengambil inisiatif dan langkah- langkah positif dengan segera untuk membina lebih banyak rumah kos rendah bagi memenuhi keperluan mereka. Bagi makluman tuan-tuan dan puan-puan, pada masa ini kerajaan adalah dalam peringkat melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) bersepadu di mana 35,000 unit rumah kos rendah akan di bina di sekitar ibukota dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2001. Langkah tersebut adalah membuktikan bahawa kerajaan begitu serius, komited dan bertanggungjawab dalam menunaikan janji kepada rakyat bagi menyediakan perumahan yang selesa kepada keluarga setinggan dan golongan berpendapatan rendah supaya golongan tersebut akan dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih sempurna.

3. Pelaksanaan projek PPR bersepadu ini sedang rancak dijalankan. Sejak mula dirancang pada awal tahun ini, sembilan belas projek PPR bersepadu sedang dalam peringkat pelaksanaan di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Bagi projek PPR Lembah Pantai, Kerinchi ini, kerajaan akan menyediakan 2,844 unit rumah yang akan siap dibina dalam tempoh 28 bulan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Pelaksanaan program PPR ini adalah merupakan salah satu usaha kerajaan dalam meransang pertumbuhan negara di samping memulihkan panorama ibu kota daripada penempatan setinggan menjelang tahun 2001. Perumahan PPR ini adalah diharapkan akan memberi keselesaan kepada penghuninya, memandangkan konsep rumah pangsa dan pelan susun atur yang digunakan adalah dengan kepadatan 75 unit bagi satu ekar, walaupun kos tanah yang tinggi di Kuala Lumpur. Di samping itu kemudahan masyarakat seperti surau, dewan orang ramai, kawasan lapang dan kemudahan riadah serta lanskap hijau yang mengabungkan keindahan alam semula jadi akan disediakan dalam projek perumahan ini.

5. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan maklum, kerajaan adalah sangat mengambil berat dalam meningkatkan kualiti hidup warga kota ke tahap yang lebih baik. Sehubungan dengan itu, ciri-ciri reka bentuk yang digunakan adalah bertujuan mewujudkan kawasan perumahan kos rendah yang bertaraf tinggi dan seimbang

serta persekitaran yang harmoni untuk penempatan keluarga setinggan dan golongan berendapatan rendah dalam bandaraya Kuala Lumpur. Kemudahan-kemudahan ini adalah milik masyarakat. Adalah menjadi harapan saya agar penghuni-penghuni yang akan ditempatkan di perumahan PPR ini akan menggunakan sepenuhnya serta menjaga kemudahan-kemudahan dengan baik.

6. Apa yang menarik dalam ciri-ciri spesifikasi rumah PPR ini ialah menyediakan tahap keselesaan yang tinggi kepada penghuni-penghuninya. Rumah PPR ini mempunyai 3 bilik tidur, ruang tamu dan 2 bilik air serta kemudahan ampaian jemuran pakaian yang khas supaya kelihatan kemas dan rapi. Rumah 3 bilik tidur ini adalah selaras dengan norma sosial budaya masyarakat kita termasuk prinsip islam bagi membolehkan pengasingan anak-anak lelaki dan perempuan bagi melahirkan keharmonian dalam keluarga serta memberi lebih keselesaan kepada anak-anak itu sendiri dalam menjalankan aktiviti seperti belajar dan membuat kerja sekolah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Konsep perumahan PPR ini adalah mencerminkan usaha kerajaan menterjemahkan budaya masyarakat penyayang dalam kehidupan dan juga menghindari gejala kurang sihat yang timbul daripada masalah kesesakan dalam perumahan (slum) yang mengabaikan ciri-ciri sosial dan persekitaran yang `sihat'. Projek PPR bersepadu ini seharusnya dijadikan contoh bagi lain- lain projek perumahan kos rendah dalam bandar raya dan bandar utama yang lain, sama ada yang dibina oleh sektor awam ataupun pemaju swasta.

8. Pada masa kini di dalam wilayah persekutuan, Kuala Lumpur terdapat 42,000 keluarga setinggan yang melibatkan 211 kampung setinggan. Di lembah pantai sendiri terdapat 22 kampung setinggan di kawasan sekitar. Dengan pelaksanaan projek perumahan kos rendah bersepadu ini, saya percaya bahawa matlamat dan aspirasi kerajaan agar menjelang tahun 2001 tidak ada lagi pertumbuhan kawasan setinggan dan penduduk setinggan dalam bandaraya Kuala Lumpur ini akan dapat dicapai.

9. Selain dari menyediakan perumahan yang lebih selesa, kerajaan juga akan membina `city parks' di kawasan-kawasan yang dahulunya didiami oleh penghuni setinggan. Ini membolehkan warga kota menikmati persekitaran yang bersih, indah dan menarik. Bagi membolehkan hasrat dan matlamat ini dicapai, dewan bandaraya Kuala Lumpur sewajarnya mengambil langkah- langkah yang rapi dan tersusun dari segi perancangan gunatanah dan penguatkuasaan undang-undang secara bijak supaya tidak ada kawasan penempatan baru setinggan.

10. Selain menyediakan kemudahan perumahan kepada keluarga setinggan, projek PPR bersepadu ini juga diharapkan akan memberi impak kepada pemulihan ekonomi dan sebagai satu strategi kerajaan untuk menggerak sektor pembinaan. Melalui sektor pembinaan, tumpuan telah diberikan dalam pembinaan rumah kos rendah yang mempunyai impak positif untuk membantu sektor pembinaan, tumpuan telah diberikan dalam pembinaan rumah kos rendah yang mempunyai impak positif untuk membantu sektor tersebut. Bagi membina 35,000 unit rumah PPR bersepadu di sekitar ibukota ini, kerajaan akan membelanjakan sebanyak RM 1.54 bilion dan ini dijangka mendorong permintaan isirumah dari segi permintaan terhadap barangan dan peralatan serta perkakasan yang dianggarkan sebanyak RM 175 juta. Kesemua ini akan menyumbang kira-kira 0.2 peratus daripada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara kasar (KDNK). Secara agregat impak pembinaan rumah kos rendah adalah

meluas dengan secara tidak langsung akan mengaktifkan rangkaian ekonomi yang berkaitan dengan industri pengeluaran bahan-bahan binaan seperti jubin, simen, besi dan sebagainya.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tuan- tuan dan puan-puan yang hadir di majlis pada petang ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ini adalah menandakan kerjasama erat kerajaan dan rakyat dari pelbagai lapisan dan kaum. Kerjasama dan persefahaman ini seharusnya diterus dan dikekalkan bagi mencapai matlamat dan hasrat mewujudkan masyarakat Malaysia yang prihatin, menikmati taraf kehidupan yang tinggi melalui projek perumahan seperti PPR bersepadu di Kuala Lumpur. Kepada Syarikat Teknik Cekap Sdn. Bhd. Yang telah diamanahkan untuk melaksanakan projek ini, saya berharap mereka tidak akan menghampakan kita. Ini merupakan satu tanggungjawab dan ibadah mereka kepada rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz bismillahhirahmannirrahim saya dengan ini merasmikan projek perumahan kos rendah bersepadu Lembah Pantai, Kampung Kerinci.

Terima kasih.